

06 APR 2002

Abdullah-Singapura

MALAYSIA TAK RUGI JIKA SINGAPURA CARI SUMBER AIR LAIN

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Malaysia tidak akan mengalami apa-apa kerugian sekiranya Singapura mahu mendapatkan sumber air dari negara lain.

Beliau berkata tindakan itu juga tidak akan menjejaskan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

"Kalau Singapura kata nak cari air dari sumber lain, itu terserah kepada Singapura. Lagipun dia tak bergantung kepada sumber air dari Malaysia 100 peratus," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Keluarga Bahagia anjuran Yayasan Budi Penyayang di sini hari ini.

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini yang memetik Perdana Menteri republik itu Goh Chok Tong sebagai berkata Singapura harus mengurangkan pergantungan kepada sumber air dari Malaysia bagi menghapuskan halangan dalam hubungan dua hala.

Goh dilaporkan berkata isu air telah seringkali menjadi masalah dalam hubungan antara kedua-dua negara sejak Singapura mencapai kemerdekaan pada 1965.

Abdullah berkata Malaysia tidak mahu memanjangkan sebarang masalah yang timbul antara kedua-dua negara.

"Kita memang tidak mahu masalah berpanjangan sehingga tidak ada solution (penyelesaian)...solution tetap ada, yang perlu ialah dengan semangat kerjasam dan ikhlas sesama kita, maka segala masalah akan dapat diselesaikan," katanya.

Singapura kini memperolehi sebahagian besar daripada bekalan airnya dari Malaysia dengan membeli 350 juta gelen air mentah setiap hari dari Johor pada harga 3 sen (Malaysia) bagi 1,000 gelen di bawah dua perjanjian yang masing-masing tamat tempoh pada 2011 dan 2061.

Mengenai keputusan Singapura untuk meneruskan penambakan di bahagian timur laut dan barat republik itu, Abdullah berkata ia boleh menimbulkan masalah kepada hubungan antara kedua-dua negara.

"Kita boleh membantah dan surat-surat bantahan dah dihantar dan saya harap mereka juga akan dapat memahami daripada reaksi Perdana Menteri (Datuk Seri Dr mahathir Mohamad). Tapi kalau mereka sendiri tunjuk macam tidak ada bertimbang rasa, maka akan susahlah di dalam hubungan kita," katanya.

Akhbar hari ini melaporkan Menteri Pembangunan Negara republik itu Mah Bow Tan berkata tidak ada sebab untuk kedua-dua negara berunding sebelum Singapura menjalankan kerja penambakan dalam kawasannya.

Mah juga berkata penambakan itu tidak menjejaskan laluan perkapalan di Selat Johor atau kualiti air di situ.

-- BERNAMA

NM AZZ MAI